

# Sistem pendidikan tinggi perlu relevan, segar

D-H 09/04/08 M/s 8

Oleh Mohamad Sofee Razak

**S**EPERTI dicadangkan tahun lalu, Kementerian Pengajian Tinggi akan membahagikan universiti awam dan swasta kepada tiga kluster, iaitu Universiti Apex, Universiti Elit dan Universiti Kompetitif sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan berakhir pada 2011.

Sistem kluster ini membolehkan perluasan akses dan meningkatkan ekuiti, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguhkan penyelidikan dan inovasi, memperkasa institusi pengajian tinggi (IPT), mempergiat pengantarabangsaan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian.

Bagi merealisasikan cadangan itu, sudah tentu isi kandungan dan intipati Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan beberapa akta lain yang berkaitan dengan IPT tempatan dan swasta perlu diberikan nafas baru seiring dengan cabaran globalisasi yang semakin hebat dan pelbagai lagi realiti baru di dalam dunia pendidikan tanpa sempadan ini.

Menerusi sistem itu, IPTA boleh membuat keputusan sendiri menambah profesional asing, meningkatkan dana universiti menerusi penyediaan tabung khas dan pemilihan pelajar antarabangsa di samping kerjasama dengan pihak industri, peningkatan penyelidikan asas serta pengkomersialan produk penyelidikan akan menjadi matlamat dalam proses tadbir urus sendiri ini, disertai peningkatan akauntabiliti.

Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, berkata selain memberi mandat penuh

kepada universiti membuat sesuatu keputusan, pindaan AUKU wajar kerana ia sebagai tanda kepercayaan kerajaan terhadap pihak berkenaan untuk lebih bersedia berdepan dunia global.

Mengimbas pelaksanaan AUKU sejak 37 tahun lalu, tindakan Menteri Pelajaran ketika itu seolah-olah mengongkong kebebasan pelajar untuk mempamerkan kemahiran mereka memimpin yang sepatutnya digilap ketika berada di kampus. Malah peraturan yang tidak pernah dilaksanakan di mana-mana negara maju itu turut mengehadkan kreativiti pelajar terus aktif dalam pelbagai kegiatan terutama politik, di samping mengemukakan pandangan masing-masing.

Bagi Datuk Saifuddin Abdullah yang kini Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam makalah beliau sebelum ini, pindaan AUKU memang perlu terutama peruntukan pindaan tahun 1975 kerana ia mengongkong dan mengawal gerakan mahasiswa.

Peruntukan yang dimaksudkan, antaranya, Seksyen 15(1), 15(2), 15(3), 15(4), 15(5), 15A, 15B, 15C, 15D(1), 15D(2), 16, 16B(1), 16B(2), 16B(3) dan 16C(1). Antara kongkongan yang dimaksudkan ialah melarang mahasiswa atau pertubuhan mahasiswa daripada memanggil, berhimpun atau mengorganisasikan perhimpunan seramai lebih daripada lima orang tanpa terlebih dulu mendapat kebenaran bertulis daripada naib canselor atau wakilnya.

Di samping itu, mahasiswa juga tidak boleh menyertai mana-mana perhimpunan kecuali mendapat kebenaran daripada Naib Canselor atau orang yang diberi kuasa olehnya; mahasiswa, pertubuhan, badan atau

kumpulan mahasiswa tidak dibenarkan mempunyai atau mengguna pembesar suara atau seumpamanya; melarang mahasiswa atau pertubuhan mahasiswa daripada menjalankan sebarang aktiviti di luar kampus kecuali dengan kebenaran bertulis Naib Canselor; melarang mahasiswa mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan, pekerjaan atau aktiviti lain secara sepenuh masa atau sambilan yang menurut Naib Canselor adalah tidak diingini.

AUKU juga dikatakan terlalu rigid hingga melarang mahasiswa dan pertubuhan mahasiswa daripada menjadi ahli atau bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja dan lain-lain kecuali seperti diperuntukkan menerusi Perlembagaan Universiti atau diluluskan terlebih dulu secara bertulis oleh Naib Canselor. Selain itu, akta berkenaan juga melarang mahasiswa dan pertubuhan mahasiswa daripada menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik, kesatuan sekerja dan badan-badan lain.

Malah AUKU juga tegas melarang mahasiswa atau pertubuhan mahasiswa daripada membuat rayuan atau apa-apa perhubungan lain dengan pihak akhbar atau orang ramai berkaitan dengan universiti sama ada secara lisan, tulisan atau apa jua cara sekalipun; melarang menerbit atau mengedar dokumen di dalam atau di luar kampus kecuali dibenarkan Naib Canselor; dan jika seseorang mahasiswa tidak mematuhi atau melanggar sesuatu arahan atau kehendak yang sah diberi atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuatnya dalam kampus maka ma-

hasiswa itu adalah bersalah atas kesalahan tatatertib.

Melihat segala bentuk kekangan, halangan dan sekatan yang ada di dalam AUKU, menjadikan ia semakin ketinggalan zaman ketika mahasiswa hari ini sudah jauh ke hadapan dengan kecanggihan, fleksibel dan perubahan yang begitu cepat terhadap teknologi pendidikan. Mereka kini lebih selesa dengan dunia siber yang memberikan segala kebebasan, keseronokan dan AUKU sudah tidak penting lagi kepada mereka.

Variasi laman web, blog, portal interaksi, e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS) seolah-olah tidak terjangkau oleh AUKU untuk mengawal serta menghalangnya. AUKU perlu seiring dan akur dengan kehendak semasa di samping menjadi panduan dan perisai ampuh kepada mahasiswa.

Namun begitu, dalam keghairahan kita untuk membuat penilaian dan semakan semula kepada AUKU, pandangan Tun Dr Mahathir Mohamad wajar diambil kira memandangkan pemansuhan AUKU secara total akan membuka semula ruang kepada ahli politik memperalatkan pelajar untuk kepentingan mereka.

Selama ini, kewujudan AUKU dikatakan antara punca menyebabkan ahli politik yang berkepentingan, sukar menembusi tembok universiti untuk memperalatkan pelajar. Pemansuhan AUKU juga akan menyebabkan pencapaian akademik pelajar terutama Bumiputera merosot. Dr Mahathir bimbang jika AUKU dimansuhkan, pelajar kurang menumpukan perhatian kepada akademik sebaliknya lebih banyak berpolitik, kerana dipengaruhinya idea yang merosakkan pemikiran mereka.

Tambah beliau lagi, AUKU digubal se-

lepas berlaku rusuhan pelajar selepas mereka terpengaruh dengan dakwah pihak tertentu kononnya seorang kanak-kanak mati kebuluran di Baling, Kedah pada awal 1970-an. Pelajar terbabit ditanam dengan satu idea bahawa kerajaan yang memerintah ketika itu adalah zalim dan tidak berperikemanusiaan kerana membiarkan kanak-kanak mati. Bagaimanapun terbukti bahawa segala fitnah yang dilemparkan pihak tertentu itu tidak benar sama sekali dan lebih malang lagi, pencapaian pelajar yang mengikuti tunjuk perasaan itu merosot.

Berikutan itu, beliau yang ketika itu Menteri Pelajaran menggubal AUKU untuk mengembalikan semula matlamat asal pelajar di universiti. Selepas pelajar disekat berdemonstrasi dan ahli politik dihalang memasuki universiti, pencapaian pelajar kembali meningkat.

Biarpun begitu, bukan setakat AUKU saja, bahkan apa jua akta berkaitan dengan sistem pendidikan tinggi di negara ini walaupun tidak perlu dimansuhkan, sememangnya perlu disemak, dianjak dan dilonjakkan semula isi kandungan, falsafah dan realiti kewujudannya agar ia lebih relevan, segar, moden dan bersifat global memandangkan status universiti berautonomi seperti yang bakal diwujudkan memberi makna mereka bebas mengurus, merencana serta mentadbir struktur pengurusan dan akademiknya sendiri.

Selain itu, mahasiswa yang menjadi produk dan entiti utama universiti perlu diberikan peluang dan ruang lebih adil, proaktif dan dinamis agar mereka tidak seperti 'katak di bawah tempurung intelektual' atau terperangkap di dalam 'sangkar ke-sarjanaan' ciptaan universiti.

---

**Penulis, Iuluan Sarjana Komunikasi Massa dan Sarjana Muda Undang-Undang UiTM kini berkhidmat sebagai peguam bela dan peguam cara**